



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANGTAHUN KE LAPAN PENUBUHAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

Hari Selasa, 2 Jamadilawal 1440 bersamaan dengan 8 Januari 2019

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulangtahun ke-lapan penubuhan AMBD pada hari ini, 2 Jamadilawal 1440 bersamaan dengan 8 Januari 2019, di Masjid Hassanal Bolkiah, Kg Perpindahan Mentiri.

2. Hadir di majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah AMBD, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain dan Pengarah Urusan AMBD serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.

3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yassin dan tahlil beramai-ramai dan diikuti dengan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh YM Awang Haji Shamsul bin Haji Abd Latif, Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Kg Perpindahan Mentiri.

4. AMBD telah ditubuhkan pada 1 Januari 2011, yang bertindak sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam. Matlamat-matlamat utama AMBD ialah mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan; membantu dalam penubuhan dan pemfungsian sistem pembayaran yang cekap dan untuk menyelia sistem tersebut; dan untuk menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif. Bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut, AMBD telah dimandatkan dengan tiga fungsi utama, iaitu penggubalan dan pelaksanaan dasar monetari; pengawalseliaan institusi-institusi kewangan dan bank-bank; dan pengeluaran dan pengurusan mata wang.

5. Sejak penubahannya, AMBD telah mempertingkatkan lagi fungsi-fungsinya melalui penubuhan Biro Kredit dan Unit Isu Pengguna Kewangan, selaras dengan keperluan pasaran.

**Commented [RHBHS1]:** Check the name.. From website

Haji Awang Abu Bakar

To confirm

Check English version as well.

**Commented [MbMZ2R1]:** Amended in both

6. Dalam menjayakan Wawasan 2035, AMBD giat menghasilkan pakar-pakar khususnya dalam bidang kewangan, kewangan Islam dan ekonomi di kalangan warga AMBD. AMBD juga saling bekerjasama dengan pusat institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan program-program latihan yang komprehensif bagi mahasiswa/ mahasiswi yang menyertai program '*internship*' nya. Di samping itu juga, di bawah naungan AMBD, Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM) seringkali menganjurkan program latihan khususnya bagi pihak yang berkepentingan di dalam Industri Kewangan mahupun orang ramai.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh : 2 Jamadilawal 1440 / 8 Januari 2019  
Rujukan : AMBD/COMMS/3